

08/01/1999

Pemuda hormati keputusan Rahim

Noordin Zakaria

KUALA LUMPUR, Khamis - Pergerakan Pemuda Umno menghormati keputusan Tan Sri Abdul Rahim Noor mengambil tanggungjawab atas kecederaan Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan meletakkan jawatannya sebagai Ketua Polis Negara.

Pemangku Ketuanya, Datuk Hishamuddin Hussien, berkata pemuda Umno menganggap tindakan itu sebagai satu perkembangan positif, wajar dan sihat dalam hubungan kesediaan seseorang yang diberi amanah mengambil tanggungjawab apabila sesuatu berlaku.

"Peletakan jawatan itu menggambarkan seseorang telah mengambil tanggungjawab penuh atas kejadian yang berlaku itu.

"Ia juga menunjukkan bahawa apabila memegang sesuatu jawatan, sesiapa juga adalah bertanggungjawab untuk memikul amanah yang diletakkan di atas bahunya," katanya sebelum majlis berbuka puasa bersama anak yatim dan kanak-kanak kurang upaya di Pasar Budaya di sini, malam ini.

Seramai 100 anak yatim dan kanak-kanak kurang upaya dari Asrama Damai Kuang, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Selayang dan Badan Amal Kanak-kanak Istimewa Selangor diraikan di majlis itu.

Kata Hishamuddin, apa yang dimaksudkannya dengan tindakan Rahim sebagai satu perkembangan positif, wajar dan sihat ialah ia lebih merujuk keadilan dan beliau mengalu-alukan pihak tertentu supaya kebenaran dapat ditegakkan manakala pihak yang didapati salah harus didedahkan.

Beliau berkata, pemuda Umno menyerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memikirkan keadaan sekarang.

Bagaimanapun pergerakan itu berharap semua pihak bersikap rasional dalam hal ini dan tidak tuduh menuduh atau mencari salah antara satu sama lain kerana institusi polis harus terus dihormati dan dipertahankan.

"Ini juga menunjukkan kita semua manusia dan kita juga melakukan kesilapan.

"Pemuda percaya majoriti anggota polis berdedikasi dan memainkan peranan yang cukup bertanggungjawab dalam memastikan kestabilan negara.

"Janganlah dalam keadaan sekarang ini kita seolah-olah mengambil kesempatan dengan menganggap kredibiliti institusi polis sudah terjejas secara keseluruhannya," katanya.

Beliau mengulangi pendirian bahawa pergerakan itu sentiasa ingin melihat kewujudan keadilan dengan menegaskan bahawa sesiapa juga tidak boleh melebihi undang-undang yang sudah termaktub.

(END)